

Karnival pameran pendidikan tinggi salur maklumat berguna

UB 13/4/2011 / B4

MINDA PENDIDIK
ABDUL SAID AMBOTANG



Bersama:
Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad,
Shukri Zain, Muhamad Suhaimi Taat
dan Roslee Talip

KEPUTUSAN STPM dan SPM telah pun diumumkan baru-baru ini. Peratusan kejayaan yang dicapai dalam kedua-dua peperiksaan itu amatlah membanggakan. Namun ke mana hala tuju pelajar cemerlang berkenaan selepas ini? Sudah tentu kebanyakan mereka akan mula mengorak langkah mengintai atau mencari ruang dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Impian ke menara gading memang menjadi idaman hampir semua pelajar lepasan sekolah menengah. Mana tidaknya, ini adalah disebabkan dengan memasuki universiti sajalah peluang untuk mendapat pekerjaan akan menjadi semakin mudah dan terbuka lebih luas. Namun hakikatnya tidak semua pelajar berjaya ke menara gading disebabkan pelbagai kekangan. Menyedari situasi itu, hasil inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Program Jom Masuk U kini peluang lebih ramai pelajar untuk melangkah ke mana-mana universiti awam seluruh Malaysia terbuka lebih luas.

Perlu dimaklumi bahawa 'Program Jom Masuk U' merupakan program tahunan yang dijalankan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) sejak tahun 2005. Aktiviti ini merupakan Program Outreach tahunan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini diwujudkan setelah menerima maklumbalas positif dari pelajar, ibu bapa, kaunselor, pendidik, masyarakat umum dan stake holders lain. Maka bermula dari tahun 2010 KPTM akan menjadi "signature programme" Kementerian Pengajian Tinggi. Tagline "JOM MASUK U" telah diguna pakai KPT bagi

memotivasikan dan memudahkan para pelajar atau mereka yang berkenaan untuk mendapatkan maklumat terbaru atau terkini dan tepat mengenai peluang pendidikan tinggi di Malaysia. Maka dengan itu masyarakat setempat di setiap negeri haruslah peka dan mengambil peluang keemasan ini untuk mengunjungi pameran pendidikan tinggi yang diadakan. Promosi tentang pameran pendidikan tinggi juga mendapat liputan yang luas melalui saluran utama TV negara, radio dan media cetak. Oleh itu tiada sebab dakwaan setengah pihak yang menyatakan mereka tidak mendapat maklumat yang tepat mengenai peluang kemasukan ke IPTA dan IPTS.

Setiap tahun KPT mensasarkan seramai mungkin pengunjung untuk hadir ke pameran pendidikan tinggi tersebut. Manakala golongan sasaran utama program ini adalah terdiri dari kalangan pelajar SPM, STPM, Diploma, Matrikulasi, STAM yang sedang belajar, namun tidak terkecuali juga mereka yang telah menamatkan persekolahan dan pengajian di peringkat diploma dan ijazah yang masih berminat untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu aktiviti pameran pendidikan tinggi ini turut membuka peluang kepada para kaunselor, guru, ibu bapa, masyarakat setempat untuk mendapatkan pelbagai maklumat yang berkaitan dan berguna.

Antara pengisian program Jom-Masuk U adalah untuk menyebarkan maklumat mengenai kewujudan program sedia ada termasuk mempromosi serta memperkenalkan program pengajian terbaru yang ditawarkan oleh IPTA dan institusi lain mengikut sesi akademik tertentu. Selain itu dengan aktiviti program ini, KPT ingin menjadikan program tahunan berkenaan sebagai pusat sehenti (One Stop Centre) bermaklumat dan untuk menarik golongan-golongan sasaran seperti pemohon atau pelajar, guru, ibu bapa dan komuniti setempat. Melalui konsep ini golongan sasaran

berkenaan boleh mendapatkan maklumat berguna mengenai peluang pendidikan tinggi akreditasi dan pembiayaan bagi lepasan SPM atau setaraf, STPM atau setaraf, diploma dan ijazah.

Melalui program ini juga KPT berharap akan dapat menerangkan kaedah pemarkahan ko-kurikulum berasaskan sekolah yang diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi permohonan kemasukan ke IPTA dan IPTS. Diharapkan dengan ini sedikit sebanyak maklumat yang disalurkan dapat menyedarkan pihak ibu bapa dan guru khususnya, bagaimana pemarkahan dibuat dan kepentingan ko-kurikulum kepada anak-anak mereka di mana 10 peratus markah berdasarkan ko-kurikulum diambilkira untuk pemilihan masuk ke IPTA manakala 90 peratus lagi adalah berdasarkan markah pencapaian akademik

Selain itu tujuan KPT mengadakan program ini adalah untuk memupuk kesedaran di samping mendidik pemohon dan masyarakat awam berkenaan permohonan kemasukan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian (Online). Penjelasan yang terperinci tentang cara pengisian borang yang berkaitan didedahkan untuk membantu pemohon daripada melakukan kesilapan semasa mengisi borang permohonan mereka.

Selain pameran dan pendedahan maklumat, karnival Jom Masuk U juga akan menjalankan beberapa aktiviti sampingan seperti kuiz, forum, khidmat nasihat, bimbingan, kaunseling pendidikan dan permohonan aplikasi atas talian yang mana aktiviti ini dijangka dapat memeriahkan suasana di karnival itu.

Kalendar aktiviti atau program KPT pada tahun 2011 pada peringkat pertama adalah bermula di Terengganu pada 9 dan 10 Januari lalu di mana ia telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin manakala peringkat kedua pula telah diadakan di Stadium Malawati Shah Alam dan program

ini akan terus menjelajah seluruh negara mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Setakat ini sambutan yang diterima sangat menggalakkan contohnya lebih dari 3,000 orang telah memenuhi Stadium Melawati di Shah Alam di mana Timbalan Pendaftar Jabatan Komunikasi Korporat UiTM, Rosilawati Abdul Jamil sendiri mengakui tidak menjangka menerima sambutan begitu ramai melibatkan para pelajar dan ibu bapa dalam karnival di Shah Alam tersebut.

Antara pihak yang terlibat dalam karnival jom masuk U ini ialah INSPEN di mana mereka mempromosi program akademik yang ditawarkan kepada orang ramai, terutamanya para pelajar yang sedang menunggu keputusan peperiksaan SPM. Mereka memilih karnival pameran pendidikan tinggi ini adalah kerana mereka yakin karnival ini adalah satu platform yang sangat berkesan untuk mendekati golongan pelajar dan ibu bapa.

Secara keseluruhannya adalah diseru agar semua pihak khususnya para pelajar, ibu bapa, kaunselor, pendidik dan masyarakat umum terutamanya yang menetap di kawasan luar bandar dan pedalaman negeri Sabah, memainkan peranan menyebarkan maklumat berkenaan karnival pameran pendidikan tinggi ini. Perlu ditegaskan bahawa pengisian program dalam karnival Jom Masuk U ini sememangnya mampu menyumbang pelbagai maklumat berguna untuk golongan yang disasarkan. Sekiranya perlu pihak pentadbir sekolah menengah di kawasan berkenaan digalakkan mengambil inisiatif untuk menjadikan program lawatan ke karnival pameran pendidikan tinggi KPT sebagai agenda tetap dalam aktiviti kalendar tahunan sekolah.

* Penulis adalah Pensyarah di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah dan dapat dihubungi melalui solat5@yahoo.com